

## **BAB 2**

# **PENGGUNAAN BUKU TEKS DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

### **2.1 BUKU TEKS**

Sejak tahun 1970, kerajaan telah memilih pelajar yang cerdas dalam pelajaran melalui Peperiksaan Penilaian Darjah Lima. Mereka yang dipilih ini di hantar ke sekolah yang telah mantap. Mereka diberikan tempat tinggal percuma, makanan dan buku-buku teks, wang saku serta bantuan lain. Hasilnya ramai antara mereka mempunyai pendidikan yang baik. Bagi mereka yang tidak terpilih akan meneruskan pelajaran di sekolah seperti biasa. Pada masa ini buku teks perlu dibeli sendiri. Oleh kerana pendapatan ibu bapa pada masa itu tidak begitu mencukupi untuk perbelanjaan pendidikan anak-anak mereka, ramai pelajar yang tidak meneruskan pelajaran.

Pada masa itu buku teks merupakan bahan penting untuk pendidikan. Buku teks menjadi sumber rujukan utama sebagai punca pengetahuan kepada pelajar. Tanpa buku teks guru sukar hendak mengajar dan pelajar juga sukar mengikuti kurikulum dengan lebih tersusun. Buku teks juga menyajikan fakta, maklumat dan isi kandungan yang menjadi butiran utama dalam ujian dan juga peperiksaan. Pengaruh buku teks dalam sistem Pelajaran Kebangsaan yang berpusat mempunyai implikasi yang amat mendalam dari segi:

1. pembentukan dan pelaksanaan kurikulum.
2. sistem ujian, penilaian dan peperiksaan.

3. dasar untuk melaksanakan prinsip kesamarataan peluang-peluang pendidikan kepada semua, dan
4. matlamat pembentukan watak individu generasi belia.

Pada masa negara di peringkat membangunkan ekonomi, pendidikan banyak bergantung kepada buku teks. Kepentingan buku teks dalam pendidikan pada masa itu dinyatakan dalam Laporan Keciciran, Kementerian Pendidikan (1973) yang menjelaskan bahawa buku teks merupakan penentu yang penting dalam pencapaian akademik pelajar. Memandangkan keperluan buku teks amat tinggi, Kementerian Pendidikan telah mengadakan satu program khas dari segi bantuan buku teks kepada para pelajar daripada keluarga yang kurang berkemampuan bagi mengelakkan keciciran (Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1979).

Selaras dengan itu wujudlah Biro Buku Teks dan dikenali dengan nama Bahagian Buku Teks pada tahun 1988 dengan peranan yang ditetapkan iaitu memastikan buku teks yang digunakan di sekolah adalah seragam dan berkualiti serta melaksanakan bantuan buku teks di bawah Skim Pinjaman Buku Teks. Terdapat empat dasar utama yang telah dijadikan kriteria tindakan itu:

1. dasar kelayakan penerima bantuan
2. dasar penggunaan dan pemilihan buku teks
3. dasar penukaran buku teks dan
4. dasar gantian.

Manakala fungsi utama Bahagian Buku Teks Kementerian Pendidikan Malaysia ialah:

1. Mengeluarkan, menilai dan memperakukan sesebuah buku teks untuk kegunaan sekolah rendah dan menengah.
2. Mengawal harga dan kualiti buku teks yang diterbitkan oleh penerbit kerajaan dan penerbit swasta.
3. Melaksanakan Skim Pinjaman Buku Teks di semua sekolah rendah dan menengah serta sekolah menengah agama bantuan kerajaan.
4. Meningkatkan kualiti buku teks sekolah dan memantau penggunaannya di sekolah.

(Sumber: Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979).

Matlamat Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) yang telah dilancarkan pada tahun 1975 itu adalah untuk meringankan beban kewangan yang ditanggung ibu bapa yang kurang mampu menyediakan buku teks untuk anak-anak mereka yang bersekolah. Pemberian SPBT ini adalah berdasarkan kepada pendapatan ibu bapa atau penjaga serta bilangan tanggungan. Bagi Sekolah Kebangsaan semua pelajar yang pendapatan ibu bapa atau penjaga kurang daripada RM1500,00 sebulan layak menerima SPBT. Manakala bagi pelajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SKJC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SKJT), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Teknik (SMT) dan Sekolah Menengah Vokasional (SMV) ditunjukkan seperti dalam jadual di sebelah:

Pendapatan ibu bapa/ penjaga	Kelayakan menerima SPBT
RM700.00 ke bawah	Semua anak yang bersekolah layak diberi pinjaman buku teks.
RM7001.00 hingga RM800.00	Perbelanjaan membeli buku teks bagi seorang anak yang bersekolah ditanggung oleh ibu bapa atau penjaga, anak-anak yang lain diberi pinjaman buku teks.
RM801.00 hingga RM900.00	Perbelanjaan membeli buku teks bagi dua orang anak yang bersekolah ditanggung oleh ibu bapa atau penjaga, anak-anak yang lain diberi pinjaman buku teks.
RM901.00 hingga Rm1000,00	Perbelanjaan membeli buku teks bagi tiga orang anak yang bersekolah ditanggung oleh ibu bapa atau penjaga, anak-anak yang lain diberi pinjaman buku teks.

Jadual 1. Kelayakan menerima SPBT bagi pelajar di SJKC, SJKMT, SMK, SMKA, SMT, dan SMV.

Sumber: Pembangunan Pendidikan 2001-2010, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Secara umum buku teks boleh didefinisikan sabagai bahan yang mengandungi maklumat asas yang diperlukan bagi memenuhi kehendak kurikulum. International Encyclopedia of Education (1995) mendefinisikan buku teks sebagai: *“the basis of instruction: they can in fact be considered an entire course of study in print. They are highly organized, they contain a summary of specific body of knowledge, and they usually cantains learning activities or suggestions for further study”*.

Hutchinson dan Torres (1994) berpendapat buku teks boleh menjadi salah satu ejen perubahan dalam pelaksanaan sesuatu sukatan pelajaran yang membawa falsafah pembelajaran masing-masing.

Tafsiran dan pendapat di atas menunjukkan bahawa buku teks amat penting kerana kurikulum di dalam buku teks menentukan matlamat dan kehendak pendidikan. Manakala hala tuju pendidikan pula akan menentukan arah atau wawasan sesebuah negara. Peranan buku teks dalam menentukan arah atau wawasan negara boleh dilihat dalam Laporan Rahman Talib, 1960 halaman 15.

*“At the same time, as recommended in 1956, common syllabus a timetable have been promulgated for used in all schools including these primary school so that whatever language used, all pupil learn the same thing in the same way with the object of fostering a national Malayan outlook.”*

## 2.2 PERANAN DAN FUNGSI BUKU TEKS

Pendidikan di Malaysia meletakkan buku teks sebagai salah satu bahan kurikulum seperti mana di negara-negara lain. Buku teks memainkan peranan sebagai wadah yang membawa idea kandungan dan aktiviti cadangan bagi sesuatu kurikulum (Davis, 1980). Di Malaysia buku teks merupakan salah satu bahan pengajaran dan pembelajaran yang utama di sekolah. Buku teks juga merupakan bahan rujukan utama kepada murid dan guru untuk memahamai kehendak kurikulum dan sukatan pelajaran sesuatu mata pelajaran. Oleh sebab itu buku teks dihasilkan berdasarkan kehendak yang dinyatakan di

dalam kurikulum atau sukatan pelajaran mata pelajaran yang mengambil kira segala aspek iaitu perkembangan kognitif, psikomotor dan afektif.

Falsafah yang digunakan dalam penghasilan buku teks ialah buku teks sebagai wadah pembinaan insan untuk mencapai matlamat pendidikan seperti yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Negara. Penghasilan buku teks mengambilkira semua kehendak kurikulum dan sukatan pelajaran yang perlu dijelmakan dengan baik, menyeluruh, bersepadu, ke arah menghasilkan buku teks yang pragmatik dan dinamik. Oleh sebab itu buku teks mengaplikasikan Falasafah Pendidikan Negara yang menjurus kepada pembinaan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani (Bahagian Buku Teks, 2000).

Ngui (1989) menyatakan buku teks dalam situasi pengajaran dan pembelajaran adalah sebagai:

1. panduan am kepada tema-tema utama dalam sesuatu mata pelajaran,
2. tumpuan kepada pelajaran murid,
3. satu sumber am untuk butir-butir asas,
4. buku rujukan am bagi sukatan mata pelajaran,
5. buku panduan am bagi hal-hal peperiksaan atau penilaian dan sebagai bahan pengenalan kepada perkara-perkara lebih terperinci.

Rusli (2000), menyenaraikan bahawa peranan buku teks terbahagi kepada tiga iaitu peranan dalam konteks kurikulum, peranan kepada guru dan peranan kepada pelajar.

Dalam konteks kurikulum, buku teks masih tetap penting bagi membantu guru dan pelajar dalam era teknologi maklumat, oleh sebab itu buku teks perlulah mampu menterjemahkan kehendak kurikulum dari segi isi, cara persembahan dan cara penilaian dalam bentuk yang mudah difahami. Bagi guru buku teks menjalankan fungsi berikut:

1. membantu guru menterjemah kehendak kurikulum kepada isi pelajaran dan pembelajaran,
2. menjadi sumber rujukan bagi mendapatkan idea, maklumat dan pengetahuan yang hendak disampaikan dalam pengajaran dan pembelajaran,
3. sebagai panduan kepada guru merancang pengajaran dan pembelajaran,
4. membantu guru memahami kandungan kurikulum yang hendak disampaikan,
5. memberi gambaran kepada guru tentang sumber yang dapat membantu dalam penyediaan bahan pengajaran dan pembelajaran,
6. meringkaskan maklumat ke dalam bentuk yang mudah difahami oleh guru dan murid.

Peranan buku teks kepada pelajar pula;

1. memberi maklumat dan pengetahuan yang mengandungi fakta dan isi yang tepat serta bersesuaian,
2. membantu murid memahami tajuk yang dipelajari melalui gambar rajah, graf, peta, dan ilustrasi yang dapat menarik dan mudah difahami,
3. menyediakan latihan untuk menilai tahap kefahaman murid mengenai sesuatu tajuk.

### 2.3 KUALITI BUKU TEKS

Kawalan mutu dalam proses kerja penerbitan buku teks dijalankan oleh panel kawalan mutu Bahagian Buku Teks Kementerian Pendidikan Malaysia. Menurut Seagal dan Wilson (1998) mutu dan kualiti buku teks secara mudah diukur dari segi persepsi pelajar. Bagi pelajar sebuah buku teks perlulah menarik, menggunakan warna di mana-mana yang perlu dan dapat menjelaskan konsep-konsep dengan mudah dan berkesan.

Tajul Ariffin (2000) menyatakan antara isu yang dibangkitkan mengenai buku teks berkualiti ialah:

1. buku teks berkualiti perlulah merupakan pancaran daripada Falsafah Pendidikan Negara
2. mengungkap konsep-konsep asas dalam kurikulum dengan mudah dan memperkayakan atau meluaskan ufuk sesuatu mata pelajaran untuk memenuhi keperluan pelajar pintar dan bestari
3. menggalakkan bertambahnya pemikiran tinggi diikuti dengan minat untuk melakukan penyelidikan dan penerokaan ilmu
4. persembahan yang menarik sesuai dengan perkembangan dunia media penerbitan mutakhir.



Aspek	1960-an	1970-an	1980-an	1990-an - 2000	Selepas 2000
Kurikulum	Adaptasi dari luar Negara	Wujud kurikulum pendidikan negara	Kurikulum negara FPN	Pemantapan FPK Reformasi pendidikan	Sistem pendidikan baru?
Fokus P & P	Perpaduan negara Perpindahan ilmu pengetahuan	Pendidikan untuk semua Perpindahan ilmu pengetahuan	Pembinaan insan Kesepaduan ilmu dan nilai	Pembinaan insan Kesepaduan ilmu, kemahiran dan nilai	Pembinaan insan, Kesepaduan ilmu, Kemahiran dan nilai, Globalisasi
Kaedah P & P	Berusatkan guru Guru → pelajar	Guru < → Pelajar	Berusatkan pelajar Guru ↔ Pelajar	Berusatkan pelajar Guru sebagai pemudah cara Pembelajaran sendiri	Berusatkan pelajar Guru sebagai pemudah cara
Penggunaan komputer			Bermula komputer dalam pendidikan (KDP)	Komputer dalam pendidikan e- pembelajaran	E-pembelajaran Internet Multimedia
Buku Teks	Bahan utama P & P	Bahan utama P & P	Menjadi salah satu bahan P & P	Menjadi salah satu bahan P & P bersama dengan penggunaan bahan multimedia dan internet	Buku teks bahan bercetak Dalam bentuk modular Buku teks maya

Jadual 1. Keperluan Buku Teks di dalam Pendidikan dari tahun 1960-an hingga 2000 dan jangkaan untuk tahun seterusnya.  
Sumber : Seminar Buku Teks 2000.

## 2.4 KRITERIA PEMILIHAN BUKU TEKS

Menurut Mat Nor Hussin (1988) pemilihan buku teks berkualiti boleh dibuat berdasarkan soalan-soalan di bawah ini. Buku yang dapat memenuhi tuntutan soalan-soalan di bawah adalah buku yang baik.

1. Adakah isi kandungan sesuai dengan kemampuan dan kehendak pelajar di dalam kelas?
2. Adakah teks di dalam buku itu tersusun rapi?
3. Adakah pengarang buku teks yang berkenaan mahir dalam lapangannya?
4. Adakah maklumat yang dipetik itu tepat?
5. Adakah pengarangnya mempersembahkan fakta-faktanya secara objektif?
6. Adakah maklumat di dalam buku itu kemas kini?
7. Adakah perbendaharaan kata yang digunakan di dalam buku itu sesuai?
8. Adakah cetakannya jelas?
9. Adakah buku teks ditulis mengikut prinsip pengajaran dan pembelajaran?
10. Adakah panduan kajiannya dapat membantu pelajar?
11. Adakah bahan grafik yang terdapat dalam buku tersebut dapat menggalakkan pembelajaran ?
12. Adakah teks mempunyai ilustrasi dan reka bentuk kulit luar yang menarik?
13. Adakah buku itu dijilid dengan kemas dan kukuh?
14. Adakah bahan-bahan dalam teks berkenaan telah diperakui dan diuji kepada pelajar?

Buku teks yang baik dapat memberikan hasil dan manfaat yang berguna jika buku itu digunakan dengan kreatif (F. Connel, 1981). Kebaikan buku teks menurut pandangan Mat Nor Hussin, (1988):

1. Pelajar boleh menggunakan bahan dalam buku teks mengikut kepantasan sendiri. Pelajar yang mempunyai kadar kepantasan membaca yang tinggi, berpeluang terus membaca setakat yang dia mampu. Pelajar yang lemah mengikutinya dalam batas kemampuan dan keupayaan masing-masing.
2. Buku teks boleh digunakan di mana sahaja dan pada bila-bila masa sahaja.
3. Maklumat penting dapat diterima dan dipelajari pelajar mengikut sesuatu masa pembelajaran.
4. Jika terdapat maklumat yang berbeza aspek-aspek yang berlainan boleh dikaji pada masa yang sama dan boleh diulangi pembelajaran tersebut.
5. Pelajar dapat menanda maklumat yang penting agar mudah untuk mengulang-kajinya atau semasa membuat rujukan.
6. Menjimatkan kos kerana penghasilan buku teks tidak memerlukan kemahiran teknologi yang tinggi.
7. Buku teks memberi ruang yang cukup selesa untuk gambar, rajah dan sebagainya. Ini bertujuan untuk menarik minat pelajar membaca.
8. Bahan lampiran boleh dimasukkan dalam buku teks dan rujukan lanjut juga boleh dibuat.
9. Bahan bantu mengajar sampingan boleh diterbitkan bersama buku teks untuk membantu pelajar agar dapat belajar dengan lebih berkesan.

10. Apabila buku teks digunakan guru, pelajar didedahkan dengan maklumat yang sama di samping maklumat tambahan oleh guru. Ini memudahkan rujukan kembali.
11. Buku teks boleh disediakan dengan cepat kerana kosnya tidak begitu mahal.
12. Buku teks boleh dijadikan asas perbandingan dengan bahan lain supaya pelajar boleh meneliti pendapat yang berlainan. Ini membolehkan pelajar membuat kajian dan penilaian.
13. Penggunaan buku teks boleh mendedahkan pelajar cara penggunaan buku teks yang betul dan sistematik.

Kelemahan buku teks mengikut pandangan Mat Nor Hussin (1988):

1. Buku teks menyampaikan maklumat secara terbatas kerana hanya mereka yang tahu membaca dapat memahami maklumat yang disediakan.
2. Buku teks merupakan media sehalu. Jika tidak faham pelajar perlu bertanya guru.
3. Bahasa merupakan alat untuk komunikasi, tidak semua penulis mempunyai kemahiran bahasa yang baik. Pelajar terdedah kepada masalah kesalahan bahasa.
4. Penulis mempunyai ideologinya sendiri, tidak mustahil akan berlaku kecenderungan untuk menerapkan ideologi melalui penulisan tersebut .
5. Kepercayaan kepada satu-satu sumber rujukan adalah sesuatu yang tidak praktikal. Pengetahuan pelajar akan terhad kepada apa yang ada dalam buku teks sahaja.
6. Buku teks disusun mengikut sukatan pelajaran. Oleh sebab itu para guru akan mengajar berdasarkan sukatan dalam buku teks tersebut dan menghabiskan

pengajaran secepat mungkin agar tidak dikatakan tidak mengajar oleh ibu bapa.

Oleh sebab itu penggunaan bahan luaran adalah terhad.

7. Terdapat buku teks yang isi kandungannya ketinggalan zaman dan tidak selaras dengan keadaan sebenar.
8. Terdapat fakta dalam buku teks yang tidak tepat.


Oleh sebab itu Muttal (1982) menegaskan bahawa pada dasarnya buku teks disusun untuk tujuan menyediakan bahan yang menyeluruh dan sesuai serta lengkap dengan soalan dan latihan. Namun biar bagaimanapun baik sekalipun sesebuah buku teks buku itu tetap tidak dapat menyajikan bahan yang benar-benar lengkap dan menyeluruh. Ini disebabkan banyaknya kepelbagaian seperti latar belakang pelajar yang berbeza, latar tempat tinggal, perbezaan sosio ekonomi dan tahap pendedahan pelajar. Oleh itu guru perlu menjadikan buku teks hanya sebagai dasar dan berusaha menambah bahan pengajaran daripada sumber-sumber lain menurut masa dan keadaan.

#### 2.4 MODEL PENGAJARAN MENGGUNAKAN BUKU TEKS

Pengajaran menggunakan buku teks perlu dirancang agar bahan tersebut dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Terdapat model pengajaran penggunaan buku teks yang boleh diikuti guru untuk mendapatkan pengajaran dan pembelajaran menggunakan buku teks yang berkesan. Penggunaan buku teks terancang adalah cara untuk menyampaikan pengajaran dan pembelajaran menggunakan buku teks. Terdapat dua jenis model penggunaan buku teks terancang iaitu yang berbentuk linear atau lurus dan yang berbentuk pohon.

Dalam Bentuk Linear, peluang pelajar membuat kesilapan agak minimum. Perkara yang hendak dikemukakan, dibincang dan dibuat dalam satu unit. Pelajar akan bertindak balas pada setiap unit dan mereka akan belajar terus serta menjawab benar atau salah. Bentuk Pohon pula lebih meluas daripada bentuk linear misalnya diberi soalan, kemudian diberi jawapan. Dalam bentuk ini jawapan diberi dan juga dinyatakan salah benarnya dan sebab-sebabnya.

Kedua-dua bentuk pendekatan ini disampaikan menerusi media yang dipelbagaikan. Pelajar dapat diberi pengalaman yang lebih luas melalui alat pandang dengar, filem slaid, rekod dan juga pita rakaman. Pendekatan ini amat sesuai digunakan untuk belajar bahasa asing.



Rajah 1. Model Pengajaran Buku Teks Terancang

Sumber: Mat Nor Hussin (1969)

Model ini memerlukan perancangan rapi guru. Guru perlu memahami sepenuhnya bahagian dalam buku teks sebelum memulakan kaedah ini. Penggunaan bahan bantu lain juga perlu disediakan selain buku teks. Dalam rajah ini terdapat kaitan antara guru dan pelajar serta sumber bahan utama iaitu buku teks.

Bagi melaksanakan model ini beberapa peringkat perlu dilakukan oleh guru:

1. Perancangan dan persediaan pelajaran akan disediakan dahulu. Ini termasuk menyediakan bahan bantu mengajar yang sesuai selain buku teks.
2. Isi pelajaran perlu mengikut objektif yang ingin dicapai dahulu agar pengajaran dapat berjalan lancar.
3. Guru perlu melaksanakan pengajaran dan pembelajaran seperti yang dirancang.

Justeru, Rusli (2000) menyenaraikan lima strategi penggunaan buku teks yang berkesan.

Strategi tersebut ialah:

1. guru perlulah memfokus kepada isu-isu yang penting,
2. guru perlu menyoal murid bagi menghapuskan salah faham pelajar hasil daripada pembacaan teks,
3. guru perlu memberi soalan yang membolehkan pelajar berpeluang untuk mengaplikasikan konsep daripada teks bagi menjelaskan sesuatu fenomena,
4. guru perlu membina kaedah alternatif daripada kaedah yang diberikan oleh buku teks, dan
5. guru perlu bijak memilih aktiviti yang mampu membina pemahaman konsep.

Model pengajaran Gerlach dan Ely (1970) juga boleh digunakan untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan buku teks sebagai bahan rujukan. Model ini digunakan untuk menyusun pengajaran dengan menggunakan sepuluh komponen yang perlu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Rajah 2 menunjukkan komponen-komponen utama proses pengajaran dan pembelajaran dan kaitan antara komponen tersebut.


Komponen-komponen tersebut adalah seperti berikut:

1. Rumusan tujuan intruksional secara khusus.
2. Pemilihan bahan pengajaran dan isi pembelajaran.
3. Penilaian perilaku murid.
4. Penentuan strategi yang digunakan oleh guru.
5. Penyusunan murid dalam kumpulan.
6. Penyediaan waktu.
7. Penyediaan tempat belajar dan kelas.
8. Penyediaan sumber belajar yang tepat.
9. Penilaian penampilan murid.
10. Penganalisan tindak balas.

#### Langkah 1

Guru merumuskan tujuan intruksional khusus yang menjelaskan apa yang harus dikuasai oleh murid setelah mengikuti pelajaran.





Rajah 2. Model pengajaran Gerlach dan Ely (1970).

Sumber: Gerlac and Ely (1970).

### Langkah 2

Guru memilih bahan pengajaran yang digunakan untuk membantu murid mencapai tujuan intruksional yang telah dirumuskan. Guru boleh memilih bab yang sesuai dan berkaitan daripada buku teks.

### Langkah 3

Guru menilai murid untuk mengetahui pengetahuan yang telah dimiliki oleh murid sebelum pengajaran dimulakan.

### Langkah 4

Guru menentukan strategi pengajaran yang akan digunakan dan teknik penyampaian yang sesuai.

#### Langkah 5

Bahagikan murid dalam kumpulan sama ada kecil atau besar berdasarkan ruang yang ada.

#### Langkah 6

Guru perlu menentukan pembahagian masa sesuai dengan strategi dan teknik yang dipilih. Keadaan ruang masa yang terhad memerlukan penyusunan masa yang berbeza kerana harus memecahkan kumpulan berdasarkan penyusunan giliran pembentangan setiap kumpulan

#### Langkah 7

Tentukan ruang belajar dengan memperlihatkan jumlah ruang yang ada, strategi, teknik dan media instruksional yang tersedia serta cara penyusunan murid ke dalam kumpulan.

#### Langkah 8

Pilih media intruksional berdasarkan kesesuaiannya seperti manusia, benda nyata, media visual, audio, bahan cetak dan media grafik.

#### Langkah 9

Menilai intraksi guru murid, murid dengan murid dan murid dengan bahan intruksional.

#### Langkah 10

Analisis tindak balas yang dilakukan oleh guru dan murid. Analisis ini amat berfaedah dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana maklumat tersebut boleh digunakan untuk memperbaiki program pengajaran yang akan datang.

Penggunaan buku teks dalam proses pengajaran dan pembelajaran juga perlulah mengambilkira gaya pembelajaran yang dipilih. Perubahan pendidikan dari aspek gaya pembelajaran ini bertujuan agar rakyat Malaysia dapat bersaing dalam pelbagai bidang

dalam era globalisasi. Oleh sebab itu sebelum menggunakan buku teks dalam proses pengajaran dan pembelajaran guru perlulah turut memikirkan juga kesesuaiannya dengan gaya pembelajaran yang dipilih. Gaya pembelajaran mencakupi bidang yang sangat luas. Perkembangannya dapat diteliti mengikut susunan tahun penyelidikan. Gaya pembelajaran ialah koleksi dan ciri cara individu yang unik, mantap dan berketrampilan dalam mensintesis maklumat, menyelesaikan masalah dan membuat keputusan mengikut konteks atau situasi.

Perubahan gaya pembelajaran tersebut boleh dilihat mengikut tahun seperti disenaraikan oleh Tohid (1988) seperti di bawah :

Tahun 40-an.

1. Medan terkawal (field dependence) dan medan bebas (field independence).

Tahun 50-an.

1. Pemikiran tertumpu (convergent) pemikiran bercapah (divergent).

Tahun 60-an.

1. Proses susunan (Sequential) dan proses serentak (simultaneous).
2. Umum (generalizers) dan khusus (Particulizers).
3. Global dan linear.
4. Analitis (analytical) dan pertalian (relational).

Tahun 70-an.

1. Pelajar holistic, (holistic) siri (serial) dan serba boleh (versatile).
2. Medan sensitif (field sensitive) dan medan bebas (field independence).

Tahun 80-an dan 90-an

1. Gaya kognitif (Witkin)
2. Gaya temperamen dalam pola pembelajaran (Golay).
3. Strategi pembelajaran (Stringer).
4. Gaya pembelajaran budaya (Bulmer).
5. Gaya pembelajaran kognitif (Cohen).
6. Gaya konsepsi (Lingenfelter dan Gray).
7. Gaya pembelajaran modaliti dan kekuatan persepsi (Carbo).
8. Nilai budaya (Mayers).

Tahun berikutnya.

Gaya pembelajaran berasaskan teori pelbagai kecerdasan oleh Howard Gardner.

- |                     |                   |
|---------------------|-------------------|
| 1. Linguistik.      | 2. Muzik.         |
| 3. Logis matematik. | 4. Reruang.       |
| 5. Kinestetik.      | 6. Interpersonal. |
| 7. Intrapersonal.   |                   |